



**KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN**  
**Ministry of Agriculture and Food Industries**

Wisma Tani

No 28, Persiaran Perdana, Presint 4

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62624 PUTRAJAYA,

MALAYSIA

No. Telefon : 03-8000 8000

No. Faks : 03-8888 6020

Laman Web : [www.mafi.gov.my](http://www.mafi.gov.my)

---

## **KENYATAAN MEDIA**

### **SEMPENA HARI LAUT SEDUNIA DAN HARI SEGITIGA TERUMBU KARANG 2021**

Hari Laut Sedunia telah dipersetujui oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk disambut pada 8 Jun setiap tahun, manakala negara-negara dibawah Inisiatif Segitiga Terumbu Karang pula telah menetapkan 9 Jun sebagai Hari Segitiga Terumbu Karang.

Tema sambutan Hari Laut Sedunia pada tahun ini adalah “The Ocean: Life and Livelihoods”, manakala tema Hari Segitiga Terumbu Karang “Driving Blue Recovery for A Sustainable Coral Triangle”.

Kedua-dua tema ini dipilih bagi menekankan kepentingan lautan serta sumber biodiversiti marin dalam menampung kelangsungan hidup manusia sejagat.

Strategi-strategi ke arah pemulihan ekonomi dunia dan serantau daripada pandemik COVID-19 juga memberikan tumpuan kepada pembangunan lestari dan pemuliharaan biodiversiti marin.

Malaysia merupakan salah sebuah daripada 17 negara di dunia yang telah disenaraikan sebagai Mega Biodiverse Country dan terletak dalam lingkungan perairan segitiga terumbu karang (coral triangle) atas kepelbagaian biologi yang tinggi.

Justeru itu, bersempena dengan Hari Laut Sedua dan Hari Segitiga Terumbu Karang, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menyatakan komitmen terhadap obligasi negara dalam memastikan 10% perairan negara dilindungi sebagai Kawasan Perlindungan Marin atau melalui kaedah-kaedah pengurusan kawasan yang berkesan menjelang tahun 2030.

Sasaran ini adalah selaras dengan obligasi di bawah Sustainable Development Goals, Dasar Agromakanan Negara 2.0 dan Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan 2016-2025.

Komitmen Kementerian juga adalah selaras dengan kriteria penilaian di bawah Global Food Security Index (GFSI) dimana sehingga kini, hanya 5.3% perairan di negara ini telah dilindungi dan sebahagian besar Kawasan Perlindungan Marin terletak di perairan Sabah dan Sarawak.

Bagi mencapai sasaran ini, Kementerian, melalui Jabatan Perikanan Malaysia, telah mengenalpasti beberapa kawasan yang berpotensi untuk diwartakan sebagai Taman Laut.

Bagi memperoleh sokongan pihak berkepentingan, Jabatan Perikanan Malaysia melaksanakan sesi-sesi konsultasi bersama penduduk setempat, agensi kerajaan serta badan bukan kerajaan.

Bagi mengimbangi pembangunan dan teknologi terkini, Kerajaan akan meningkatkan program-program pengurusan sumber marin serta mengekal dan menambahbaik Kawasan Perlindungan Marin sedia ada bagi memastikan negara kekal relevan sebagai sebuah negara maju dan seimbang dalam pembangunan dan alam sekitar.

Sehubungan itu, MAFI ingin menyeru agar Kerajaan-Kerajaan Negeri berganding bahu dengan Kerajaan Persekutuan untuk merealisasikan sasaran ini.

Di kesempatan ini, Kementerian ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada Kerajaan Negeri Johor yang telah meluluskan pewartaan Taman Laut baharu di perairan Mersing iaitu Kepulauan Lima dengan keluasan 299 km<sup>2</sup>. Pewartaan ini akan meningkatkan lagi Kawasan perairan negara yang dilindungi.

Bagi menyokong pelaksanaan program dan projek pemuliharaan biodiversiti dan menggalakkan pewartaan lebih banyak kawasan perlindungan oleh Kerajaan Negeri, Kerajaan, melalui Kementerian Kewangan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM70 juta pada tahun 2021 sebagai insentif melalui Instrumen "Ecological Fiscal Transfer for Biodiversity Conservation" (EFT).

Dalam pada itu, industri perikanan negara menyumbang RM 13.84 bilion pada tahun 2020 kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK). Perkhidmatan ekosistem marin di taman-taman laut pula dianggarkan menyumbang sebanyak RM8.7 billion setahun.

Akhir kata, marilah kita bersama-sama menjaga dan memulihara biodiversiti marin negara yang tidak ternilai untuk generasi kini dan masa depan.

**KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN**

**12 JUN 2021**